

FOR IMMEDIATE RELEASE

2 February 2026

NEXT BAHTERA MARITIME SDN BHD OPENS NEW SHIPPING ROUTE TO BRUNEI

Bandar Seri Begawan, 2 February 2026 – Today represents an important milestone in the development of Brunei's logistics industry as NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd (NBM), a newly established joint venture between the Strategic Development Capital Fund (SDC Fund) under the Investment Division, Ministry of Finance and Economy and Network Cross Trade Line Limited (NEXT), is pleased to announce the launch of its new regular direct shipping service connecting Brunei with major ports in China, South Korea, Indonesia, and the Philippines. This milestone marks a significant step forward in enhancing connectivity, delivering more efficient and reliable shipping solutions, while strengthening trade and business ties between Brunei and key markets in the region.

The event was officiated by Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Minister at the Prime Minister's Office and Minister of Finance and Economy II, and was also attended by Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary Bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Minister of Transport and Infocommunications, Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid, Deputy Minister of Finance and Economy (Economy), as well as High Commissioners, Permanent Secretaries, Deputy Permanent Secretaries, senior government officials, key project partners, company directors and industry stakeholders.

During the event, the invited guests was introduced to NBM's vessel, MV NXT Genesis, as well as the discharge of its cargo. Since 2024, the vessel has carried and delivered more than 800 units of cargo to Brunei and is expected to deliver more than 100 additional units this month. With the operation of its own vessel, NBM has the control over operational schedules, improves service reliability, and strengthens overall market competitiveness. The vessel is capable of transporting a diverse range of cargoes, including vehicles, heavy machinery, construction materials, furniture, electrical products, and various general goods. Also, By operating its own vessel, NBM gains greater flexibility in cargo handling and scheduling, enabling more responsive and efficient service. This also helps complement existing logistics partnerships by reducing over-reliance on external shipping networks, while maintaining strong cooperation within the broader supply chain.

NEXT is a subsidiary company of Eastern Car Liner Ltd. who has been present in the shipping industry for over 50 years. NEXT has successfully developed a specialized business segment focused on exports from China and South Korea to Southeast Asia. NEXT is also honoured to leverage its regional presence to support NBM and Brunei in building operational skills and shipping capabilities. Through this partnership, Brunei is now better positioned to expand its market access, enhance regional supply chain connectivity, and pursue new trade opportunities with improved operational resilience and reduced logistical risk, supporting Brunei's long-term economic diversification efforts, and in alignment with Wawasan Brunei 2035.

-End-

About NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd

NBM is a newly established joint venture between the Strategic Development Capital Fund (SDC Fund) under the Ministry of Finance and Economy and Network Cross Trade Line Limited (NEXT). It is a logistic and shipping solutions provider committed to enhancing regular trade connectivity and delivering reliable, efficient maritime services that support regional economic growth.

UNTUK SIARAN SEGERA

2 Februari 2026

Majlis Pelancaran Syarikat NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd, Brunei Darussalam

Bandar Seri Begawan, 2 Februari 2026– Hari ini menyaksikan satu pencapaian penting dalam pembangunan industri logistik di Negara Brunei Darussalam yang mana Syarikat NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd (NBM), iaitu sebuah syarikat usahasama baru di Negara Brunei Darussalam (NBD) di antara Bahagian Pelaburan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Dana Modal Pembangunan Strategik (SDC) dan Syarikat Network Cross Trade Line Limited (NEXT), mengumumkan pelancaran perkhidmatan baru ke NBD yang menghubungkan Pelabuhan Muara dengan pelabuhan-pelabuhan Lianyungang di Republik Rakyat China, Jakarta di Republik Indonesia, dan Subic di Republik Filipina. Ini bertujuan untuk menyediakan khidmat perkapalan yang lebih cekap, di samping memperkukuh hubungan perdagangan dan perniagaan antara Brunei dan pasaran utama di rantau ini.

Majlis Pelancaran berkenaan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dengan turut dihadiri oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary Bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), wakil-wakil Kedutaan-Kedutaan Luar Negara di NBD, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai kanan Kerajaan, rakan-rakan strategik serta pihak berkepentingan.

Semasa majlis tersebut, para tetamu menyaksikan kapal milik NBM, iaitu MV NXT Genesis, melaksanakan proses pemunggahan kargonya. Sejak tahun 2024, kapal ini telahpun berjaya menghantar lebih daripada 800 kargo ke negara ini dan dijangka akan menghantar lebih daripada 100 kargo tambahan bulan ini. Kapal MV NXT Genesis ini berupaya mengangkut pelbagai jenis kargo, termasuk kenderaan, jentera berat, bahan binaan, perabot, produk elektrik serta pelbagai barangan am. Dengan mengendalikan kapal sendiri, NBM mempunyai fleksibiliti dalam pengendalian kargo dan penjadualan, sekaligus menyediakan perkhidmatan yang lebih responsif dan cekap. Inisiatif ini juga melengkapi kerjasama logistik yang sedia ada dengan mengurangkan kebergantungan berlebihan kepada rangkaian perkapalan luar, di samping mengekalkan kerjasama yang kukuh dalam rangkaian bekalan yang lebih luas.

Syarikat NEXT adalah sebuah syarikat subsidiari kepada Syarikat Eastern Car Liner Ltd. yang telah berkecimpung dalam industri perkapalan selama lebih 50 tahun yang mana ianya telah berjaya menghantar barangan eksport dari Republik Rakyat China dan Republik Rakyat Korea ke Asia Tenggara. Syarikat NEXT juga akan memberi sokongan kepada syarikat NBM dalam membina kemahiran operasi dan keupayaan penghantaran di negara ini. Dengan usahasama ini, Negara Brunei Darussalam kini berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk memperluas akses pasaran, meningkatkan keterhubungan rangkaian bekalan serantau, serta meneroka peluang perdagangan baharu dengan daya tahan operasi yang lebih baik dan risiko logistik yang lebih rendah. Seterusnya, ianya akan menyokong kepelbagaian ekonomi jangka panjang negara iaitu selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Mengenai Syarikat Next Bahtera Maritime Sdn Bhd

Syarikat NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd (NBM) iaitu sebuah syarikat usahasama baru di Negara Brunei Darussalam (NBD) di antara Bahagian Pelaburan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Dana Modal Pembangunan Strategik (SDC) dan Syarikat Network Cross Trade Line Limited (NEXT) yang mana ianya akan membukakan laluan perkapalan baru ke NBD daripada Republik Rakyat China, Republik Korea Selatan, Republik Indonesia, dan Republik Filipina, dengan tujuan untuk menyediakan perkhidmatan perkapalan yang lebih cekap, di samping memperkukuh hubungan perdagangan dan perniagaan antara NBD dan pasaran utama di rantau ini